

Pembelajaran Pendidikan Islam Menerusi Permainan Tingkat Kreativiti Pelajar

Unit Komunikasi Korporat

Thu 11/9/2017 7:03 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



9 NOVEMBER 2017 / 20 SAFAR 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

Gambar oleh: SEML

PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM MENERUSI PERMAINAN TINGKAT KREATIVITI PELAJAR



UUM ONLINE: Bagi meningkatkan kreativiti pelajar dalam kelas, Dr Mardzelah Makhsin dari Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML) telah menghasilkan 11 produk inovasi pembelajaran menerusi permainan, khusus untuk subjek Pendidikan Islam.

Menurutnya, produk tersebut telah dibangunkan dengan kerjasama pelajar dari Sekolah Rendah Islam 1, Kangar, Perlis; pensyarah Kolej Matrikulasi Johor dan guru Pendidikan Islam di Kelantan dan juga Kedah.

Daripada 11 produk itu, tiga daripadanya iaitu Smart UPKK A+, DamNeeds dan Monopoli Solat berjaya merangkul pingat emas, manakala tiga lagi menerima pingat perak dan lima pingat gangsa pada Sintok Games and Gamification Challenge 2017 (SIGGC) anjuran Pusat Inovasi dan Komersial UUM,

baru-baru ini.

Dr Mardzelah berkata, projek Smart UPKK A+ yang dihasilkan bersama pelajar Sekolah Rendah Islam 1 itu bukan sahaja berjaya merangkul pingat emas, malah Anugerah Khas juga walaupun kos membangunkan produk itu hanya RM300 dan dihasilkan pada September lalu.

"Produk ini dapat membantu pengajaran dan pembelajaran Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA), seterusnya meningkatkan kecemerlangan dalam Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK).

"Sijil UPKK ini penting kerana ia memberi nilai tambah kepada pelajar dalam pemilihan kemasukan ke sekolah aliran agama khususnya sekolah integrasi Tahfiz dan Sains seperti MRSM Ulul Albab, Sekolah Menengah IMTIAZ dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama," katanya.

Tambah beliau lagi, hasil inovasi produk Smart UPKK A+ itu akan dikomersilkan bagi membantu pelajar menguasai ilmu agama dan fardhu ain dengan lebih mudah dan menyeronokkan secara berkumpulan supaya sesi pembelajaran lebih efektif.

Katanya, penghasilan produk inovasi tersebut selaras dengan saranan Perdana Menteri dalam Pembentangan Bajet 2018 lalu yang menekankan aspek kreativiti dan inovasi dalam pembelajaran abad ke-21.

Ujar Dr Mardzelah, kreativiti dan inovasi tidak boleh diajar tetapi ia boleh diterap secara tidak langsung melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi subjek Pendidikan Islam dengan menggunakan pendekatan pengajaran yang berpusatkan kepada pelajar.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
AMBA
ACCREDITED



ABEAT



STARS
RATED FOR EXCELLENCE
2019



AUN-QA
A Touch of Quality



MQS
MAINTAINING
QUALITY
STANDARDS



BETA
GAMMA
SIGMA



Power
Brand



SOARING
UPWARDS

Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.